

Guru lama sentiasa terlepas peluang

KEADAAN KINI:

1. Kumpulan guru DGA29/ DG41 yang tidak berpuas hati merupakan kumpulan guru senior (lama) yang mengikuti kursus kemudian dilantik ke DG41 bukan freshie.
2. Urusan kenaikan pangkat secara time-based DGA32 dengan menggunakan tempoh perkhidmatan 10 tahun. Dahulu perlu berada di P1 T22.
3. Terlepas peluang ke DGA32 kerana sudah dilantik ke DG41 sebelum tahun 2003.
4. Guna prinsip gaji paling hampir tanpa satu kenaikan.
5. Kenaikan secara isyarat tidak dinikmati oleh kumpulan ini kerana pelaksanaan SSM.
6. Mereka merupakan kumpulan guru senior dari kumpulan PPPLD yang kemudian dilantik ke DG41.
7. Mereka sudah berkhidmat lebih 20 tahun sebagai guru siswazah tetapi masih tidak dapat ke DG48, manakala guru junior apabila cukup 20 tahun akan ke DG48.

Apabila mereka bergerak dari DGA29/DG41 ke DG44/DG48, mereka sentiasa mengalami kerugian kerana setiap polisi baru adalah berdasarkan tarikh kuat kuasa. Sebenarnya perlu buat pelarasan bagi guru-guru senior supaya gaji mereka lebih tinggi. Setiap kali penyelarasan atau polisi baru diperkenalkan adjustment perlu dibuat supaya guru junior tidak melangkau guru senior.

Sebenarnya Timbalan Ketua Setiausaha, Datuk Kamaruzaman Mohd. Noor, dan teamnya dari Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Pelajaran Malaysia telah turun ke negeri-negeri untuk memberi penerangan mengenai Skim Perkhidmatan kepada guru. Namun demikian, di kalangan guru senior berpendapat gaji mereka rendah kerana sebab-sebab di atas.

Setiausaha Agung

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP)